



I ❤️ PERDA

BULETIN AKRAB PERDA

Edisi 2020

Edisi : Jan –Disember

AKTIVITI AKRAB (2020)

VISI

“Menjadikan AKRAB Sebagai Penggerak Pembangunan Moda Insan Dalam Pengurusan Sumber Manusia”.

PROGRAM ORIENTASI

KAKITANGAN BAHARU PERDA

9 JANUARI 2020

AKRAB PERDA telah diberi tanggungjawab untuk mengendalikan satu slot aktiviti orientasi kakitangan baharu.

MISI

Menyediakan Perkhidmatan Membimbing Bagi Membantu Rakan Sekerja Meningkatkan Potensi Dan Kecemerlangan Diri.

Slot tersebut bertajuk Peningkatan Potensi Diri. Dengan adanya program ini semua staf baharu dapat menyesuaikan diri dengan suasana pekerjaan di pejabat dan dalam masa yang sama dapat meningkatkan potensi dan sahsiah diri untuk menjadi pekerja yang bermotivasi dan dedikasi terhadap tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan.

TAHNAH KEPADA AHLI AKRAB YANG MENERIMA ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG



PENYEDIAAN BARANGAN UNTUK PROGRAM PERDA-4U SEMASA PKP COVID 19

PROGRAM "APPRECIATION DAY @AKRAB PERDA

- AKRAB PERDA telah terlibat dalam penyediaan bakul makanan yang diedarkan kepada frontliners dan golongan miskin yang terkesan dengan pandemik covid19.
- Dalam menyantuni frontliners dan golongan miskin, aspek kesihatan telah dijaga sepenuhnya dengan mematuhi SOP yang telah ditetapkan supaya semua pihak sentiasa berada dalam keadaan kesihatan yang baik dan keselamatan yang terjamin.
- AKRAB PERDA yang merupakan sebahagian daripada penjawat awam perlu menyesuaikan diri dalam mematuhi Normal Baharu semasa melaksanakan tugas.

Program "APPRECIATION DAY@AKRAB PERDA telah dilaksanakan yang bertujuan menghargai rakan sekerja dengan tag line "hargai staf dan rakan-rakan anda...tanda ingatan dan kasih sayang...berikan senyuman kepada mereka". Program ini diadakan sempena Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang PERDA 2019 yang berlangsung pada 28 Julai 2020. Pada hari tersebut jualan bunga dan goodies dijual kepada staf untuk mereka hadiahkan kepada rakan sekerja tanda penghargaan dan terima kasih.



SUMBANGAN AKRAB PRIHATIN KEPADA ANAK YATIM


AKRAB PRIHATIN telah menyumbang wang tunai RM1590.00 kepada 5 orang beradik yang kematian ibu dan ayah akibat kemalangan jalanraya. Sumbangan telah disampaikan oleh wakil AKRAB PERDA di rumah datuk mereka di Bagan Jermal, Butterworth pada 20 Mei 2020.



BENGKEL PEMANTAPAN AKRAB PERDA 7-8 OGOS 2020


Bengkel Pemantapan AKRAB PERDA yang telah diadakan pada 7-8 Ogos 2020 bertempat di Bahang Bay Hotel Teluk Bahang Pulau Pinang bertujuan untuk :

- Melahirkan AKRAB PERDA yang bertenaga, cergas dan mampu menangani apa juga isu, perubahan, kemajuan dan pembangunan semasa.
- Membantu AKRAB PERDA dalam meningkatkan kemahiran serta teknik kaunseling secara menyeluruh.
- Membina kecemerlangan diri setiap ahli AKRAB PERDA serta dapat menjalankan tugas dengan lebih bertanggungjawab dan profesional.
- Ahli AKRAB perlu sentiasa dibekalkan dengan ilmu pengetahuan dalam pelbagai bidang yang secara langsung akan memberi semangat dan lonjakan dalam diri setiap ahli AKRAB untuk lebih efisien dan sentiasa bersedia menghadapi cabaran.



BENGKEL TERAPI SENI

Bengkel Terapi Seni untuk AKRAB KPLB telah diadakan pada 7-8 Oktober 2020 bertempat di KPLB. Tujuan bengkel ini adalah untuk mengenalpasti sesuatu isu dan masalah klien dengan menggunakan seni lukisan di mana klien yang mendapatkan khidmat kaunseling akan dikehendaki melukis lukisan yang telah ditetapkan untuk melihat sejauhmana permasalahan klien tersebut. Pelbagai kategori lukisan yang dilukis dapat menterjemahkan masalah yang dihadapi oleh seseorang klien.



SIDANG REDAKSI

Penaung: Dato' Haji Rosman Bin Haji Hashim
Ketua Editor: En. Mohd Asri Bin Baharum
Editor: Zainab Bt Puteh
Shaharizat Bt Che Rose
Penolong Editor: Roslina Bt Muhammad
Grafik: Suryana Bt Mohd Shariff

I ❤️ PERDA

Prihatin
Empati
Responsif
Dedikasi
Amanah

AKRAB
PRIHATIN

MESYUARAT PENYELARASAN AKTIVITI KPLB BIL 1/2020 DAN PROGRAM CSR AKRAB KPLB BERSAMA AKRAB KEDA DI LANGKAWI KEDAH



ASEAN PSYCHOLOGY AND COUNSELING CONFERENCE '20 24 Nov 2020

Semua ahli AKRAB PERDA telah menghadiri Seminar
di Peringkat Asean melalui Youtube Channel APCC.

PERSIDANGAN PSIKOLOGI PERKHIDMATAN AWAM (JPA) KALI 24 5,9 DAN 11 Nov 2020

Semua ahli AKRAB PERDA telah menghadiri Persidangan
Psikologi Perkhidamtan Awam secara WEBINAR JPA FB Live



KURSUS NORMAL BAHARU
Beberapa kursus melalui
telesidang telah dilaksanakan
oleh AKRAB KPLB sesuai
dengan keadaan Pandemik
Covid19



KURSUS PENINGKATAN
PROFESIONALISMA AKRAB
13-14 Julai 2020 SECARA ATAS TALIAN
APLIKASI ZOOM



AKRAB PERDA

LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH PULAU PINANG

NO 1 LORONG KG GAJAH 2 JALAN KG GAJAH

12200 BUTTERWORTH

TEL : 04 3141100

FAKS : 04 3321676

www.perda.gov.my